



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"PENGAJARAN DARIPADA PERISTIWA ISRAK MIKRAJ"

12 Mac 2021 / 28 Rejab 1442

الْحَمْدُ لِلّٰهِ¹ الْقَائِلْ:

سُبْحَنَ اللّٰهِ أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيَلَّا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى بَرَّكَنَا حَوْلَهُ وَلِرُبِّهِ وَمِنْ ءَايَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

(Surah Al-Isra' ayat 1)²

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ³ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ⁴ أَوْصِيهِمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita sama-sama tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya, dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan hidup kita diberkati Allah, di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: "Pengajaran Daripada Peristiwa Israk Mikraj".

Sidang Jumaat yang diberkati Allah,

Peristiwa Israk dan Mikraj adalah mukjizat yang dianugerahkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW. Pada malam tersebut diperlihatkan kepada Nabi SAW bukti kekuasaan Allah SWT. Peristiwa yang banyak pengajaran dan iktibar ini dirakamkan dalam ayat pertama surah al-Isra'. Firman Allah SWT:

سُبْحَنَ اللّٰهِ أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيَلَّا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى بَرَّكَنَا حَوْلَهُ وَلِرُبِّهِ وَمِنْ ءَايَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

¹ Memuji Allah² Ayat Al-Quran³ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW⁴ Pesan Taqwa



Maksudnya: Maha Suci Allah, yang telah memperjalankan hamba Nya pada suatu malam dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa yang telah kami berkat sekelilingnya agar kami memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kekuasaan) Kami, Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

Manakala peristiwa Mikraj pula telah dikisahkan oleh Allah SWT dalam surah An-Najmi antaranya ayat 13 dan 14:

وَلَقَدْ رَأَهُ نَزَلَةً أُخْرَىٰ ﴿١٣﴾ إِنَّهُ سِدْرَةُ الْمُتَّهِىٰ

Maksudnya: Dan demi sesungguhnya! (Nabi Muhammad) telah melihat (malaikat Jibril, dalam bentuk rupanya yang asal) sekali lagi. Di sisi "Sidratul-Muntaha" (yakni langit tertinggi).

Sidang Jumaat yang diberkati Allah,

Antara hikmah Allah SWT memperjalankan Nabi SAW melalui peristiwa ini, sebagai ketenangan jiwa setelah Baginda mengalami pelbagai halangan dan rintangan dalam perjuangan dakwah termasuk kehilangan dua orang tersayang, iaitu isteri dan bapa saudara Baginda.

Allah SWT juga menunjukkan kebesaran Nya di samping menguatkan keimanan dan keyakinan Nabi SAW terhadap segala janji kemenangan Islam. Peristiwa ini juga menunjukkan kedudukan tertinggi Baginda SAW apabila dimikrajkan sehingga bertemu dengan Allah SWT sebagai penghormatan di samping untuk menerima perintah yang agung.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Antara peristiwa penting yang berlaku dalam peristiwa Mikraj ialah perintah solat secara khusus. Kisah ini diceritakan dalam sebuah hadis sahih, yang diriwayatkan oleh Saidina Anas Bin Malik. Pada mulanya, Baginda diwajibkan untuk solat 50 kali sehari semalam. Namun apabila Baginda bertemu Nabi Musa AS, Baginda dinasihatkan agar memohon kepada Allah untuk dikurangkan perintah solat itu sehingga akhirnya berbaki 5 kali solat sehari semalam. Walaupun begitu, Nabi Musa terus menasihati Baginda SAW supaya minta dikurangkan lagi, dengan berkata:

إِنَّ أَمْتَكَ لَا تَسْتَطِعُ خَمْسَ صَلَوَاتٍ كُلَّ يَوْمٍ، وَإِنِّي قُدْ جَرِيَتُ النَّاسَ قَبْلَكَ، وَعَالَجْتُ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَشَدَّ الْمُعَالَجَةِ، فَأَنْجَعْتُ إِلَيْكَ فَأَسْأَلُكَ التَّخْفِيفَ لِأَمْتَكَ. قَالَ: سَأَلَّتْ رَبِّي حَتَّى اسْتَخْيَيْتُ وَلَكِنِّي أَرْضَى وَأَسْلَمْ. قَالَ: فَلَمَّا جَاءَرْتُ نَادَى مُنَادٍ، أَمْضَيْتُ فَرِيَضَتِي



وَخَفْتُ عَنْ عِبَادِي. (رواه البخاري 3887)

Maksudnya: Nabi Musa berkata: Sesungguhnya umatmu tidak akan mampu untuk melakukan 5 kali solat setiap hari. Aku telah mencubanya pada orang sebelum kamu dan aku telah cuba bersungguh-sungguh untuk melakukannya pada Bani Israil. Kembalilah kepada Allah dan mintalah keringanan daripada Nya untuk umatmu. Nabi SAW bersabda : Aku telah meminta sehingga aku menjadi malu untuk meminta lagi akan tetapi aku redha dan aku berserah. Apabila aku berlalu ada suara yang menyeru : Aku telah menjalankan kewajipan Ku dan Aku telah kurangkan bebanan hamba Ku.”

Riwayat Imam Al-Bukhari (3887)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Di antara mesej pengajaran yang boleh kita renungi daripada peristiwa Israk dan Mikraj:

Pertama: Restu ibu bapa sangat penting agar hidup kita diberkati dan direjadi Allah SWT. Hal ini dapat kita pelajari menerusi peristiwa Mikraj Nabi SAW. Di langit pertama, Baginda bertemu Nabi Adam AS sebagai bapa seluruh umat manusia. Ini memberi pengajaran kepada kita, apabila bermusafir jauh atau menerima satu tugas yang besar, perlulah terlebih dahulu menemui ibu bapa atau ahli keluarga yang tua untuk memohon doa dan restu mereka, agar kita dapat melaksanakan tugas tersebut dengan baik dan selamat.

Kedua: Pentingnya melakukan rujukan dan perundingan, mendengar nasihat orang-orang lebih tua dan lebih pengalaman apabila menerima sesuatu tugas seperti yang dilakukan oleh Rasul SAW dalam pertemuan dengan Nabi Musa berpandukan hadith yang dipetik tadi. Pertemuan melibatkan dua rasul ini mendidik kita tentang kepentingan menguasai seni perundingan (art of negotiation).

Ketiga: Apabila menerima sesuatu tugas berat jangan gopoh melaksanakan, timbangkan dan fikirkan, dapatkan nasihat dan pandangan supaya tidak membebankan pengikut akibat dari keputusan pemimpin yang dibuat secara terburu-buru. Sabda Nabi SAW:

الآنَةُ مِنَ اللَّهِ، وَالْعِجْلَةُ مِنَ الشَّيْطَانِ

Maksudnya: Ketenangan itu daripada Allah, dan terburu-buru itu daripada syaitan (Riwayat Imam Tirmizi, 2012)



Keempat: Sabar adalah satu sifat yang sangat dituntut. Kesabaran Rasulullah SAW berulang alik, mohon dikurangkan bilangan solat, hingga Allah SWT mengurangkan bilangan solat sehari semalam daripada 50 kali kepada 5 kali. Pengajarannya adalah sifat sabar dituntut untuk mencapai sesuatu yang dihajati. Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 153:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَسْتَعِنُو بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٣﴾

Maksudnya: Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah bersama (menolong) orang-orang yang sabar

Kelima: Ujian ALLAH meletakkan perintah berat, iaitu solat 50 kali solat sehari semalam dan dengan rahmat Allah (iaitu keadilan dan ihsan Nya) kerana mahu memberi mesej kepada manusia supaya merayu, memohon dan berunding bila menerima perintah yang berat untuk boleh diringankan. Juga mesej kepada pihak atasan agar bersifat adil dan ihsan ketika mengeluarkan sesuatu perintah, jika menjadi terlalu berat untuk dipikul, perlu dipertimbangkan semula, dan dilakukan ubah suai. Firman Allah SWT dalam surah At-Taghabun ayat 16:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا أُسْتَطَعْتُمْ ...

Maksudnya: Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya upaya kamu;

Keenam: Jangan bersifat oportunistis (mengambil kesempatan) terhadap sesuatu kebaikan, kerana setelah di kurangkan daripada 50 kali solat kepada 5 kali solat sehari semalam, Rasul SAW berhenti di situ, kerana sifat malu yang menghiasi peribadi Rasulullah SAW, sebagaimana yang dikisahkan di dalam hadith berkenaan Nabi SAW menerima perintah solat, walaupun masih di nasihatkan oleh Nabi Musa untuk meminta ALLAH SWT di kurangkan lagi.

Ketujuh: Tidak ada perkara yang mustahil untuk dicapai jika manusia berani berfikir di luar kotak. Di samping itu, manusia hendaklah sentiasa berserah diri dan yakin dengan kehendak Allah kepada hamba Nya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Yasin ayat 82:

إِنَّمَا أَمْرُهُ وِإِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

Maksudnya: Sesungguhnya keadaan kekuasaan Nya apabila ia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah ia berfirman kepada (hakikat) benda itu : " Jadilah engkau! ". Maka ia terus menjadi.



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْفُرْعَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ رَبِّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الَّلَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُمْ وَسَلَامُهُمْ سَلِيمًا⁸
الَّلَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ
الَّلَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁹، وَأَصْلِحْ ذَاتَ يَنْهِمْ وَالْأَفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ
وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمْ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِنْتُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَيَرُوسُ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمَحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِّنِّا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنِّ سَائِرِ بُلْدَانٍ عَامَّةً.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran serta lindungilah mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Peliharalah kami daripada seksa dan azab api neraka.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَاتَ عَذَابَ النَّارِ.

فِيَ عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾. فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.